

Hampir putus asa selepas kehilangan tiga insan istimewa

Asrol Awang
am@hmetro.com.my



Graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Zulkifli Sayuti, 49 (kanan) bersama rakan pada Majlis Konvokesyen UMP ke-15 di Kuantan. FOTO UMP

Kuantan: Kehilangan tiga insan istimewa sepanjang empat tahun pengajian cukup berat dihadapi graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Zulkifli Sayuti.

Ini kerana sepanjang tempoh itu, Zulkifli, 49, yang juga Penolong Pegawai Latihan Vokasional Institut Kemahiran Mara (IKM) Jasin, Melaka kehilangan bapa, bapa mentua dan sahabat karibnya.

Katanya, peristiwa itu hampir menyebabkannya berputus asa dan tidak mahu meneruskan pengajian di universiti itu.

"Bagaimanapun, berkat sokongan keluarga dan rakan, saya meneruskan pengajian dan terus berusaha sehingga berjaya mendapat ijazah.

"Bapa saya, Sayuti Subari meninggal dunia akibat strok pada Disember 2016 manakala bapa mentua, Selamat Tukiran pula meninggal dunia kerana kanser usus pada 2018.

"Dua kejadian ini begitu meruntun hati saya dan sahabat karib, Rosli Khamis berusaha memujuk supaya tidak berhenti belajar, namun siapa sangka beliau (Rosli) pula meninggalkan kami akibat kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan pulang ke Johor Bahru selepas menghadiri kelas di UMP pada 2018," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Zulkifli antara 24 tenaga pengajar IKM yang diraikan pada Majlis Konvokesyen UMP ke-15, di sini, selama empat hari yang berakhir semalam.

Pada masa sama, beliau turut berbangga kerana pengorbanan selama empat tahun berulang alik dari Melaka ke UMP Pekan sejauh kira-kira 480 kilometer pada setiap minggu berbaloi.

"Tiada kata-kata mampu diucapkan selain bersyukur kerana pengorbanan yang dilakukan membuahkan hasil.

"Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan Pembuatan ini diharapkan memberikan inspirasi kepada empat anak saya yang berumur antara lapan dan 17 tahun.

"Begitu juga kepada isteri, Nur Dewi Suzana Selamat, 44 yang memberikan sokongan dan semangat dalam mencapai cita-cita untuk menerima ijazah walaupun pada usia 40-an," katanya.

Disiarkan pada: Mac 21, 2022 @ 2:10pm
